



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBANTU TEKNIK KANAN (C.2 EB.3)
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU TEKNIK KANAN
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. *BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Radio Communication atau bidang bersesuaian.*

ATAU

2. Telah berkhidmat di Pasukan Polis Diraja Brunei dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

3. Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertugas sebagai Pembantu Teknik Kanan dalam Bahagian Radio Perhubungan (*Comms 1*);
2. Membuat pengaturcaraan (*programming*) alat perhubungan radio *Very High Frequency (VHF) / Ultra High Frequency (UHF)* bagi Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB);
3. Membuat pemeliharaan dan pemberian perbaikan alat perhubungan radio (*VHF* / *UHF*) bagi PPDB;
4. Mengawas dan membimbing ahli-ahli pasukan di bawah jagaanya;
5. Melaporkan tugas-tugas harian kepada Ketua Pembantu Teknik (*CTA*);



6. Bertugas *on-call / standby* di luar waktu pejabat seperti yang diarahkan oleh Ketua Bahagian Perhubungan;
7. Membuat laporan kerosakan dan cadangan pembelian *spare parts* bagi alat perhubungan radio kepada Ketua Pembantu Teknik (*CTA*); dan
8. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Bahagian Perhubungan dari semasa ke semasa